



---

## **KERATAN AKHBAR DAN BERITA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**11 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)**



---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**11 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)**

## Minyak masak peket di Bachok, Kota Bharu, habis stok

**Kota Bharu:** Minyak masak peket satu kilogram (kg) bersubsidi di Kelantan kehabisan stok menyebabkan pelanggan terpaksa memilih minyak masak botol.

Tinjauan di beberapa kedai runcit di Kota Bharu dan pasar raya di sekitar Bachok mendapati minyak masak bersubsidi itu habis dijual, manakala minyak masak botol dua hingga lima kg masih memenuhi rak kedai.

Pemilik kedai runcit Hie-ziel di Jalan Pasir Hor, Syamim Nasruddin, 32, berkata minyak masak peket di kedainya putus bekalan ham-pir dua minggu lalu dan hanya ada minyak masak dalam botol.

Katanya, masalah itu berlaku kerana syarat dikenakan pemborong kepada peruncit iaitu perlu membeli gula premium sebanyak 24kg atau satu *bundle* dan tiga *bundle* gula bersubsidi untuk mendapatkan dua kotak minyak masak 1kg.

"Syarat ini amat berat kerana gula premium jualannya sangat perlahan dan kami terpaksa menyimpan stok yang banyak. Namun, kami terpaksa membeli gula premium dan gula subsidi untuk mendapatkan stok minyak masak.

"Saya difahaman kan, pemborong juga perlu membeli gula premium dan gula subsidi untuk dapatkan minyak masak paket ini. Bekalan yang banyak menyebabkan mereka mengenakan syarat yang sama kepada peruncit.

"Sebagai peruncit, saya ber-rasa serba salah untuk mengenakan syarat pembelian minyak masak bersama gula premium kepada pembeli, namun jika kami tidak berbuat demikian slapa nak beli stok gula premium kami?" kata-nya ketika ditemui di kedai-nya semalam.

Peniaga, Zaharah Kamardin, 60, berkata dia terpaksa membeli minyak masak botol sejak lebih dua minggu lalu.

"Untuk meneruskan jualan, saya membeli minyak masak botol walaupun harganya sedikit mahal dan menyebabkan keuntungan yang sedikit."

"Namun, saya tidak ada pilihan apabila perlu membeli minyak masak botol berikut-kan bekalan minyak masak peket habis sejak lebih dua minggu lalu," katanya yang berna-iga di Kampung Tini, Jalan Pasir Hor, di sini.

**RASAI BERITA SEBENAR**

BERAS TEMPATAN DAN MINYAK MASAK PAKET KURANG DI PASARAN

# SUKAR NAK DAPAT

Beras tempatan dan minyak masak paket yang disubsidi kerajaan semakin sukar didapati di pasaran. Walaupun ada jaminan kerajaan bahawa barang keperluan itu ada tetapi tinjauan dibuat mendapat sebaliknya. Apa yang berlambak adalah beras import dan minyak masak botol yang harganya tidak dikawal kerajaan. Lapor Sudirman Mohd Tahir, Hidayatdayu Razali dan Mary Victoria Dass.



A photograph showing a supermarket shelf stocked with various brands of rice and cooking oil. A woman wearing a hijab is visible in the background, looking at the products. Price tags are visible on the shelves, such as '61.99' and '51.50'. A circular badge in the top right corner of the image area reads 'HADIAH KAJAI 2022'.

**Kota Bharu:** Minyak masak paket satu kilogram (kg) bersubsidi di Kelantan habis dijual menyebabkan pelanggan terpaksa membeli minyak masak dalam botol.

Tinjauan di beberapa kedai runcit di Kota Bharu dan pasar raya di sekitar Bachok mendapati minyak masak bersubsidi itu habis manakala minyak masak botol dua hingga lima kg masih memenuhi ruangan di rak kedai.

Pemilik kedai runcit Hie-ziel di Jalan Pasir Hor, Syamim Nasruddin, 32, berkata, minyak masak di kedainya putus bekalan hampir dua minggu lalu dan hanya ada minyak masak dalam botol.

Katanya, masalah ketidadaan minyak masak itu berlaku kerana syarat yang dikenakan pemborong kepada peruncit iaitu perlu membeli gula premium sebanyak 24 kg atau satu *bundle* dan tiga *bundle* gula bersubsidi baru dapat dua kotak minyak masak satu kg.

## Minyak masak paket putus bekalan di Kelantan



SYAMIM menunjukkan rak minyak masak paket kosong selepas bekalan habis di kedai runcitnya di Jalan Pasir Hor. - Gambar NSTP/HIDAYATIDAYU RAZALI

"Syarat ini amat berat kerana gula premium jualannya sangat perlahar dan kami terpaksa menyimpan stok yang banyak. Namun, kami terpaksa membeli gula premium dan gula subsidi untuk mendapatkan stok minyak masak."

"Saya difahamkan, pemborong juga perlu membeli gula premium dan gula subsidi untuk dapatkan minyak masak paket ini. Bekalan yang banyak menyebabkan mereka mengenakan syarat yang sama kepada peruncit."

"Sebagai peruncit, saya

**"Kami terpaksa membeli gula premium dan gula subsidi untuk mendapatkan stok minyak masak"**

berasa serba salah untuk mengenakan syarat pembelian minyak masak bersama gula premium kepada pembeli namun jika kami tidak berbuat demikian siapa nak beli stok gula premium kami?" katanya ketika ditemui di kedainya, semalam.

Bapa kepada tiga anak itu berkata, masalah itu perlu diselesaikan untuk mengelakkan bebanan kepada semua pihak termasuk pemborong, peruncit dan lebih utama adalah pengguna terakhir atau pembeli.

Peniaga, Zaharah Kamruddin, 60, berkata dia terpaksa membeli minyak masak dalam botol sejak lebih dua minggu lalu.

"Untuk meneruskan jualan, saya membeli minyak masak botol walaupun harganya sedikit mahal dan menyebabkan keuntungan yang sedikit," katanya.



---

---

## **BERITA ONLINE (KPDN)**

---

---

**11 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 11 SEPTEMBER 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
11-Sep	https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/10/diesel-dianggarkan-1000-liter-bernilai-rm2150-dirampas-di-miri	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/09/953497/kelantan-kpdn-reduces-smuggling-1kg-cooking-oil-polybags-thailand">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/09/953497/kelantan-kpdn-reduces-smuggling-1kg-cooking-oil-polybags-thailand</a>	NST
11-Sep	Thai traders hike white rice prices, mirroring global rise	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/09/953485/thai-traders-hike-white-rice-prices-mirroring-global-rise">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/09/953485/thai-traders-hike-white-rice-prices-mirroring-global-rise</a>	NST
11-Sep	Diesel dianggarkan 1,000 liter bernilai RM2,150 dirampas di Miri	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/10/diesel-dianggarkan-1000-liter-bernilai-rm2150-dirampas-di-">https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/10/diesel-dianggarkan-1000-liter-bernilai-rm2150-dirampas-di-</a>	UMBORNEO